



سكوله منعه سائس كويغ قاسو

SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU

(SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI)

BATU 19, JALAN KODIANG,
06000 JITRA,
KEDAH DARUL AMAN.



No. Tel. : 04-925 7855
No. Faks : 04-925 7844
Emel : KEA4068@moe.edu.my
Kod Sekolah : KEA 4068

Ruj.Kami: KUPSIS.700-6/1/1 ()

Tarikh: 24 Oktober 2021

Ibu Bapa/Penjaga & Pelajar Tingkatan 5

SM Sains Kubang Pasu

Tuan,

PEMAKLUMAN PELAJAR TINGKATAN 5 KEMBALI KE ASRAMA DAN MENGIKUTI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SECARA BERSEMUKA

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertarikh 17 Oktober 2021 telah mengumumkan bahawa pengoperasian sekolah bagi negeri Kedah dan Kelantan akan bermula pada 31 Oktober 2021. Pemakluman ini adalah merujuk kepada pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia pada 15 Oktober 2021 berkaitan peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi negeri Kedah ke Fasa 3 pada 18 Oktober 2021.

3. Sehubungan dengan itu, semua pelajar dikehendaki kembali ke asrama pada 30 Oktober 2021 (Sabtu) dan menjalani Ujian Kendiri COVID-19 mengikut jadual seperti berikut:

Tarikh	Kelas	Masa	Pakaian	Tempat Ujian Kendiri COVID-19
30 Oktober 2021 Sabtu	5 Juara	08.30pg-09.15pg	Pakaian rasmi outing/ Korporat	Dewan Bitara
	5 Rajin	09.15pg-10.00pg		
	5 Fikir	10.15pg-11.00pg		
	5 Waja	11.00pg-11.45pg		
	5 Nekat	11.45pg-12.30tgh		

4. Semua pelajar dikehendaki mengisi **Borang Pengisytiharan Kesihatan** dengan lengkap dan jujur bersama **Surat Kebenaran Ibu Bapa/Penjaga bagi tujuan Ujian Kendiri COVID-19**. Kedua-dua perkara ini perlu diserahkan kepada pihak sekolah semasa pendaftaran balik ke asrama.

5. Pelajar yang sihat dan tidak dalam tempoh menjalani kuarantin / bukan kontak rapat kes positif COVID-19 sahaja dibenarkan kembali ke asrama. Ibu bapa/Penjaga adalah diminta untuk memaklumkan secara rasmi akan ketidakhadiran anak/anak jagaan kepada pihak sekolah sebelum atau pada hari yang sama dengan kadar segera. Ibu bapa/Penjaga dan pelajar juga diminta mematuhi segala *Standard Operating Procedure* (SOP) yang dikeluarkan oleh MKN, KKM, KPM, BPSBP dan pihak sekolah berkaitan pencegahan penularan COVID-19.

6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara di atas, pihak tuan/puan boleh hubungi En. Azami bin Man, Penolong Kanan HEM ditalian 019-4173310.

7. Segala kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NAZRI BIN MOHD MUHSIN)

Pengetua

Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu

s.k YDP PIBG SM Sains Kubang Pasu